



## KENYATAAN MEDIA

### **PERKESO LANCAR BULAN PEMUTIHAN SKSPS 2.0 SEMPENA SAMBUTAN HARI PERKESO KE-51**

**KUALA LUMPUR** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan **Bulan Pemutihan Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS)** bersempena dengan **Sambutan Hari PERKESO ke-51 pada 1 Oktober 2022**.

**Bulan Pemutihan SKSPS 2.0** yang akan dilaksanakan selama sebulan ini bermula dari **1 hingga 31 Oktober 2022**. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan Orang Bekerja Sendiri (OBS) mendaftar dan dilindungi dengan PERKESO menerusi SKSPS.

Bulan Pemutihan SKSPS 2.0 ini juga dilihat sebagai usaha berterusan PERKESO untuk memastikan lebih ramai OBS tampil mendaftar diri dan merupakan kesinambungan daripada kejayaan pelaksanaan **Bulan Pemutihan dan Ops Kesan Peringkat Kebangsaan** pada bulan Mei dan Jun yang lalu.

Pelaksanaan bulan pemutihan ini turut memberikan tumpuan kepada golongan OBS dalam **dua (2) sektor mandatori atau yang wajib mendaftar PERKESO** iaitu **Sektor Pengangkutan Penumpang** dan **Sektor Pengangkutan dan Penghantaran Barangan atau Makanan**.

Bulan pemutihan yang dilaksanakan sebelum ini iaitu dari **1 hingga 31 Mei 2022** telah meningkatkan kesedaran OBS dalam dua sektor mandatori tersebut untuk mendaftarkan diri dan mendapatkan perlindungan sosial di bawah SKSPS:

- i. Bagi **Sektor Pengangkutan Penumpang**, terdapat peningkatan melebihi **100 peratus** kepada **33,992 OBS** yang berdaftar dan mencarum SKSPS pada **Mei 2022** berbanding **2,425 OBS** pada bulan **April 2022**; dan
- ii. Bagi **Sektor Pengangkutan dan Penghantaran Barangan atau Makanan**, terdapat **peningkatan melebihi 100 peratus** kepada **37,014 OBS** yang berdaftar dan mencarum pada Mei 2022 berbanding **3,192 OBS** pada bulan **April 2022**.

Berdasarkan **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)**, kegagalan OBS dalam dua sektor berkenaan untuk mendaftar dan mencarum SKSPS merupakan **satu kesalahan** dan boleh dipenjara sehingga 2 tahun atau didenda RM10,000.00 atau kedua-duanya, sekiranya sabit kesalahan.

Sehubungan itu, PERKESO akan memberi peluang dan tidak akan mengeluarkan **Notis Amaran SKSPS** kepada golongan OBS dalam dua sektor berkenaan yang tampil mendaftar dan mencarum SKSPS secara sukarela, **sebelum atau pada 31 Oktober 2022**. Sehingga **27 September 2022**, seramai **322,371 OBS** aktif bagi dua sektor mandatori tersebut telah berdaftar dan mencarum SKSPS. Secara keseluruhannya seramai **559,474 OBS** aktif mencarum dengan SKSPS dalam tempoh yang sama.

Sepanjang tempoh Ops Kesan Kebangsaan pada Jun 2022, sebanyak **162 Notis Amaran SKSPS** telah dikeluarkan oleh PERKESO kepada OBS dalam dua sektor mandatori tersebut.

Sempena **Bulan Pemutihan SKSPS 2.0** ini, PERKESO menyeru kepada semua OBS yang layak dan masih belum mendaftar agar tampil mencarum secara sukarela. Pendaftaran boleh dibuat sama ada menerusi:

1. Portal MATRIX PERKESO di [www.matrix.perkeso.gov.my](http://www.matrix.perkeso.gov.my)
2. Hadir ke mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara.

Sekiranya masih gagal berbuat demikian, tiada lagi pengecualian akan dipertimbang selepas bulan pemutihan ini berakhir.

Selain itu, PERKESO juga ingin menggalakkan OBS dalam **lapan (8) kumpulan sasaran** untuk memohon dan memanfaatkan inisiatif Kerajaan iaitu **SPS Padanan Caruman** di bawah Bajet 2022. OBS yang layak boleh memohon insentif ini dan mendapatkan bantuan padanan caruman SKSPS untuk tempoh perlindungan selama setahun dengan hanya membayar **RM46.60 (20 peratus) sahaja di bawah Pelan Caruman Kedua SKSPS**. Baki bayaran caruman sebanyak **RM186.20 (80 peratus) akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan**.

Lapan (8) kumpulan sasar di bawah SPS Padanan Caruman ini termasuk golongan wanita yang bekerja sendiri (**SPS Usahawanita**), orang asli dan orang asal dari Sabah dan Sarawak (**SPS Asal**), OBS yang menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara atau *Service Platform Provider* (**SPS Gig**), penjaja seperti di pasar, gerai, kiosk dan *food truck* (**SPS Jaja**); OBS dalam sektor pertanian, perikanan, penternakan dan perhutanan (**SPS Tani**), OBS dalam sektor kesenian seperti artis, penyanyi, pelakon, kru produksi, kraftangan dan jurufoto (**SPS Seni**), OBS dalam sektor pelancongan (**SPS Lancong**) dan OBS yang kurang upaya (**SPS Lain Upaya**).

Selain itu, OBS dalam empat (4) kategori sasaran seperti anggota pasukan sukarelawan dan penjawat awam pula digalakkan untuk merebut manfaat yang disediakan Kerajaan menerusi inisiatif **SPS Khidmat** yang turut diperkenalkan dalam Bajet 2022. Di bawah SPS Khidmat, Kerajaan **membiaiyai sepenuhnya** caruman bagi Pelan Caruman Kedua SKSPS kepada OBS yang layak untuk tempoh perlindungan selama setahun. Mereka termasuklah sukarelawan ATM, APM, PDRM, MARITIM, RELA; perkhidmat rumah ibadah Islam seperti imam, bilal, guru takmir, noja, siak, dan merbut; dan penyelia dan petugas pemulihan dalam komuniti. Sementara itu, bagi anggota atau penjawat awam berstatus *Contract For Service* pula, Kerajaan akan membiaiyai sepenuhnya caruman **Pelan Caruman Keempat SKSPS**.

Memandangkan tarikh tutup permohonan bagi kedua-dua inisiatif berkenaan adalah pada **31 Disember 2022**, PERKESO ingin menggesa golongan OBS dalam kumpulan sasar tersebut untuk hadir ke mana-mana Pejabat PERKESO berhampiran untuk membuat semakan dan memohon bantuan Kerajaan tersebut.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**29 September 2022**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720  
dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.**